



## **PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN TENPIN BOLING**

### **1. AM**

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Peraturan AM, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Peraturan **Pertandingan Kongres Tenpin Boling Malaysia (MTBC)** dan **Persekutuan Boling Antarabangsa (FIQ)**.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan di dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
  - 1.3.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada Ketetapan & Peraturan AM Pertandingan **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**.
  - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Tenpin Boling **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** berasaskan kepada Peraturan Pertandingan Kongres Tenpin Boling Malaysia (MTBC) dan FIQ.
  - 1.3.3 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Tenpin Boling **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** adalah muktamad.

### **2. TARIKH PERTANDINGAN**

21 – 25 SEPTEMBER 2016

### **3. TEMPAT PERTANDINGAN**

Daiman Bowl, Taman Johor Jaya,  
Johor Bahru



#### **4. PENYERTAAN**

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua Pegawai dan Kakitangan Pejabat SUK Negeri sepertimana yang dinyatakan dalam para 6.1 & 6.2 Ketetapan dan Peraturan AM Kejohanan.
- 4.2 Setiap kontinjen hanya di benarkan mendaftar satu (1) pasukan sahaja yang terdiri daripada 15 orang peserta, iaitu seorang Pengurus Pasukan, seorang Jurulatih, seorang penolong jurulatih dan 12 orang pemain untuk kategori-kategori seperti di para 7.0 Peraturan Pertandingan Tenpin Boling ini. Pengurus Pasukan dan Jurulatih boleh terdiri daripada pemain.
- 4.3 Borang penyertaan yang lengkap hendaklah disahkan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri / Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing.

#### **5. TARIKH TUTUP PENYERTAAN**

- 5.1 Tarikh tutup penyertaan adalah berdasarkan para 7.1 Peraturan Am **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU.**

#### **6. MESYUARAT PENGURUS PASUKAN**

- 6.1 Mensyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan sehari sebelum tarikh pertandingan (tertakluk kepada perubahan).
- 6.2 Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama Peserta beserta dengan Kad Pengenalan atau Pas Khas Peserta. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Mensyuarat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

#### **7. KATEGORI**

- 7.1 Pertandingan Tenpin Boling dijalankan dalam kategori seperti berikut:
  - 7.1.1 Berempat Wanita



7.1.2 Berempat Lelaki

7.1.3 Berempat VIP (Pegawai Lelaki dan / atau Wanita Gred 44 ke atas)

7.1.4 Singles Wanita (Ditentukan daripada jumlah jatuhan pin tertinggi individu di dalam kategori Berempat Wanita)

7.1.5 Singles Lelaki (Ditentukan daripada jumlah jatuhan pin tertinggi individu di dalam kategori Berempat Lelaki)

7.1.6 Singles VIP (Ditentukan daripada jumlah jatuhan pin tertinggi individu di dalam kategori Berempat VIP)

## **8. SISTEM PERMAINAN**

8.1 Undang-undang permainan hendaklah mengikut undang-undang terkini yang berkuatkuasa, sebagaimana yang telah diputuskan oleh Persekutuan Boling Antarabangsa (FIQ) iaitu seperti berikut:

### **8.1.1 PAKAIAN**

- i) Setiap pasukan dikehendaki memakai pakaian yang sesuai seperti baju T berkolar dan seluar panjang seragam. Seluar jeans tidak dibenarkan.
- ii) Kontinjen digalakkan mencetak logo atau nama SUK Negeri masing-masing pada baju T berkolar.

### **8.1.2 FORMAT PERTANDINGAN**

- i) Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Tenpin Boling **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** mempunyai hak menentukan format pertandingan dan jadual pertandingan berasaskan kepada pengesahan jumlah pasukan.
- ii) Pertandingan Tenpin Boling akan dijalankan mengikut format 10-pin dengan semua pemain akan bermain sebanyak lima (5) games dalam kategori masing-masing.



- iii) Pemenang setiap kategori akan ditentukan berdasarkan jumlah jatuhan pin tertinggi pasukan / individu di dalam setiap kategori tersebut.
- iv) Sekiranya terdapat keputusan seri maka pemenang akan ditentukan mengikut pasukan / individu yang mendapat permainan tertinggi ( high game).
- v) **STYLE OF PLAY**
  - a) Tiap-tiap permainan (game) akan dilangsungkan di atas sepasang lorong. Individu atau pasukan akan mengikut giliran bermain satu frame pada satu lorong dan frame yang berikutnya pada lorong yang di sebelahnya (cross lane). Cara permainan ini akan digunakan sehingga permainan itu tamat.
  - b) Setiap pasukan diwajibkan bermain lima (5) games dalam kategori masing-masing dan akan bertukar lorong kekanan pada setiap permainan (game).
- vi) **ORDER OF PLAY**
  - a) Peserta-peserta acara berpasukan mestilah bermain mengikut susunan yang didaftarkan dalam permainan (game) yang pertama dan seterusnya.
  - b) Setiap pasukan tidak dibenarkan menukar peserta semasa permainan mahupun semasa pertukaran lorong berlaku. Sekiranya berlaku, pasukan itu akan hilang kelayakannya tanpa apa-apa amaran.
- vii) **PENGESAHAN KEPUTUSAN**
  - a) Adalah tanggungjawab setiap peserta untuk mengesahkan keputusan perlawanannya dalam score sheet yang disediakan.
  - b) Keputusan yang disahkan hanya boleh diubah dengan kebenaran Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Tenpin Bowling **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU.**



viii) **GANGGUAN PERMAINAN**

- a) Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Tenpin Boling **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** mempunyai kuasa muktamad untuk membuat arahan supaya permainan yang terganggu disambung pada sepasang lorong baru sekiranya lorong di mana permainan itu berlangsung mengalami masalah kerosakan mesin.
- b) Permainan (game) yang terganggu itu mesti disambung dari frame di mana gangguan itu berlaku.

ix) **BERMAIN DI LORONG YANG SALAH**

- a) Bila seseorang peserta bermain di lorong yang salah dan kesalahan ini ditemui sebelum peserta lain membuat balingannya, maka balingan itu akan dianggap sebagai bola mati (dead ball). Dan peserta tersebut dikehendaki bermain frame yang kemudiannya pada lorong yang salah tadi.
- b) Sekiranya kesalahan itu hanya ditemui selepas peserta kemudian membaling bolanya, maka mata yang diperolehi itu akan diambil kira dan peserta tersebut dikehendaki bermain semula frame yang kemudiannya pada lorong yang salah tadi.

iiix) **MEMPERLAHANKAN PERMAINAN**

- a) Seseorang peserta yang bersedia untuk membaling bolanya harus mengetahui tentang hak dan obligasinya seperti berikut:
  - i) Mereka berhak untuk bermain terlebih dahulu (right of way) terhadap peserta yang berada diatas lorong sebelah kirinya;
  - ii) Mereka harus memberi laluan kepada peserta yang berada di atas lorong di sebelah kanannya;
  - iii) Semua peserta harus bersedia untuk bermain bila sampai gilirannya dan tidak harus melambatkan permainan itu.



xii) **KEHILANGAN SKOR SEMASA GANGGUAN ELEKTRIK**

- a) Sekiranya berlaku sebarang black out dalam TV Monitor di mana skor sesuatu permainan yang sedang berlangsung itu hilang dan tidak dapat dipulihkan, maka peserta-peserta yang berkenaan dikehendaki bermain semula game tersebut. Akan tetapi, jika skor telah dicatatkan maka ia akan bersambung dari frame di mana ia berhenti sebelum itu.
- b) Game-game yang mana skornya telah direkodkan akan dikekalkan.
- c) Pasukan atau peserta tidak boleh mengambil kesempatan ini untuk meminta sesuatu permainan itu dibatalkan atau dimainkan semula pada waktu black out seumpama ini.

**8.1.3 WAKTU BERMULA SESUATU PERLAWANAN**

- i) Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti yang tercatat di dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan Jawatankuasa Teknikal; dan Pertandingan Tenpin Bowling **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**.
- ii) Semua pasukan wajib mematuhi jadual perlawanan dan tiada masa menunggu.

**8.1.4 BILANG PEMAIN YANG TIDAK MENCUKUPI**

- i) Sekiranya mana-mana pasukan kekurangan pemain apabila Pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu yang dijadualkan maka pasukan berkenaan tidak layak bertanding dan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Tenpin Bowling **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** akan membuat keputusan yang mana ia adalah muktamad.



## **9. PENENTUAN PEMENANG BERPASUKAN**

9.1 Penentuan Johan Keseluruhan Acara Tenpin Boling, Naib Johan dan Tempat Ketiga Berpasukan akan ditentukan melalui jumlah jatuhan pin keseluruhan yang merangkumi tiga (3) kategori yang dipertandingkan iaitu:-

- a) Berempat Lelaki
- b) Berempat Wanita
- c) Berempat VIP ( PEGAWAI LELAKI DAN / WANITA GRED 44 KE ATAS)

9.2 Sekiranya bilangan jatuhan pin sama, pemenang akan ditentukan mengikut pasukan yang mendapat permainan tertinggi (high game).

## **10. HADIAH**

10.1 Hadiah – hadiah yang akan disediakan bagi pemenang adalah sebagaimana berikut:-

<b>KEDUDUKAN</b>	<b>HADIAH</b>
<b>JOHAN</b>	PIALA PUSINGAN PIALA IRINGAN Lima belas (15) Pingat Emas
<b>NAIB JOHAN</b>	PIALA IRINGAN Lima belas (15) Pingat Emas
<b>KETIGA BERSAMA</b>	Lima belas (15) Pingat Emas (bagi setiap pasukan)

10.2 Jawatankuasa Pengelola juga menyediakan hadiah-hadiah tropi kepada pemenang-pemenang kategori berpasukan dan individu